

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENGISYTIHARAN VARIETI PADI BARU MR 219
DI TELUK MALEK, JITRA KEDAH
9 JANUARI 2001

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya kita dapat bersama pada majlis di pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Dr. Effendi Norwawi kerana menjemput saya untuk mengisytiharkan varieti padi baru keluaran MARDI. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dr. Saharan Haji Anang dan pegawai penyelidikannya dan semua kakitangan MARDI kerana berjaya sekali lagi menghasilkan satu varieti padi baru yang bermutu tinggi serta hasil yang tinggi. Ciri-ciri ini amat penting dalam menyaingi beras yang diimport dan ianya pula memberi kepuasan kepada pengguna. Saya berharap agar varieti ini dapat meningkatkan lagi pengeluaran padi negara, di samping memberi saingan kepada beras import, di samping itu selaras dengan matlamat pengeluaran beras negara seperti dinyatakan dalam Dasar Pertanian Negara Ke 3 (DPN3).

3. Saya merasa amat gembira berada di kawasan MADA kerana MADA merupakan satu kejayaan besar kepada projek Bank Dunia di negara kita. Disebabkan kejayaan ini, Bank Dunia begitu mudah memberikan sokongan pembiayaan projek-projek kepada Malaysia. MADA juga merupakan kawasan Jelapang Padi yang utama di Malaysia. 40% pengeluaran padi negara datangnya dari kawasan MADA. Sekiranya purata hasil padi di kawasan MADA dapat ditingkatkan, ia secara langsung akan menambahkan purata pengeluaran padi negara. Saya yakin kita boleh dan dapat mengurangkan import beras dengan keluasan kawasan yang ada sekarang. Pengenalan varieti padi baru ini adalah bertepatan dengan masanya memandangkan pengeluaran padi beras negara tidak dapat memenuhi permintaan yang terus meningkat.

4. Industri padi dan beras negara sentiasa diberikan pertimbangan khas memandangkan kepentingan strategik beras sebagai makanan ruji atau utama kita. Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar dalam bentuk infrastruktur dan pelbagai perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan produktiviti pendapatan petani untuk memastikan pengeluaran padi berterusan di negara ini.

5. Dasar Pertanian Negara ke 3 telah menggariskan dasar dan arah serta sasaran pengeluaran padi dan beras di negara ini untuk masa hadapan dasar dan sasaran ini penting diwujudkan untuk menentukan bekalan beras kepada penduduk Malaysia tidak tergunat.

6. Malaysia mengimport 30% beras daripada keperluan kita daripada negara Thailand, Vietnam dan Myanmar. Beras Basmati diimport dari India dan Pakistan. Walaupun kecil sekiranya berlaku masalah pengeluaran di negara-negara pengeksport bekalan beras negara ini akan terjejas dan ia boleh menimbulkan masalah sosial dan inflasi.

7. Pengeluaran beras di Malaysia meningkat dengan kadar perlahan iaitu dari 1.2 juta tan pada tahun 1990 kepada 1.3 juta tan pada tahun 1998 berbanding dengan pertumbuhan penduduk 25% setahun. Negara akan memerlukan sejumlah 2.3 juta tan beras setahun untuk 27 juta penduduk (pada tahun 2010). Jika pengeluaran beras negara tidak dapat ditingkatkan negara akan mengimport lebih kurang 1.0 juta tan setahun.

8. Faktor utama yang menyebabkan hasil padi yang rendah di negara ini ialah kurang penggunaan teknologi moden oleh pesawah. Ianya termasuk penyediaan ladang, pengurusan air, kawalan rumpai, makhluk perosak dan penyakit, penggunaan baja dan pematuan jadual penanaman dan kehilangan hasil lepas tuai. Kita mungkin tidak boleh mengelakkan daripada mengimport beras, khususnya beras berkualiti tinggi atau gred super seperti Basmati dan beras wangi tetapi kita boleh berusaha mengurangkan jumlah yang diimport. Untuk itu kita perlu meningkatkan pengeluaran tempatan dan saya berkeyakinan kita boleh. Malaysia boleh.

9. Untuk makluman kita semua, hasil purata pengeluaran padi negara masih lagi rendah iaitu 4.5 tan sehektar. Dengan teknologi dan varieti yang lebih baik, hasil ini boleh ditingkatkan. Kita boleh mempertingkatkan hasil padi terutama di kawasan Jelapang Padi utama seperti di MADA, Projek Barat Laut Selangor dan lain-lain dengan mudah dan kerana sudah lengkap infrastruktur khususnya sistem pengairan. Sekarang ini sudah ada petani-petani di kawasan tersebut mencapai hasil lebih daripada 10 tan sehektar dan saya difahamkan dengan varieti baru ini pula pengeluaran hasil yang tinggi dan stabil boleh dicapai banyak kawasan sehingga melebihi 10 tan sehektar. Pesawah-pesawah di kawasan lain selain daripada MADA atau Projek Barat Laut Selangor sepatutnya berupaya juga mendapatkan hasil yang sedemikian menggunakan benih yang disyorkan dan melakukan amalan kultur tanaman yang terbaik seperti yang disarankan oleh MARDI, Jabatan Pertanian dan MADA. Kita semua tahu bahawa keupayaan pengeluaran bagi semua kawasan utama Jelapang Padi di negara ini mampu mengeluarkan hasil yang jauh lebih tinggi daripada pengeluaran sekarang. Matlamat inilah yang diharapkan oleh pihak kerajaan kepada petani-petani agar meningkatkan pengeluaran hasil padi mereka dan membantu kerajaan dalam mengurangkan import beras negara dan pada masa yang sama petani sendiri dapat meningkatkan pula pendapatan mereka serta memperbaiki taraf hidup mereka. Pihak kerajaan akan terus membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah seperti pesawah-pesawah untuk hidup lebih senang.

10. Industri padi di negara ini telah mengalami banyak perubahan-perubahan dan ini bertambah lagi penting di alaf baru ini kerana pengeluaran pertanian perlu dibentuk kompetitif / berdaya saing dan berubah kepada sistem pengeluaran yang lebih moden dan produktif. Untuk ini penggunaan jentera perlu diperluaskan, penggunaan racun serangga dikurangkan untuk lebih sihat dan mesra alam dengan alam sekitar dan pelbagai produk berasaskan padi dan beras dihasilkan untuk meningkatkan nilai ditambah. Perkara ini penting untuk menjadikan pengeluaran di negara kita dapat bersaing dengan negara-negara lain. Saya gembira dengan pencapaian penyelidikan dan pembangunan yang dibuat oleh MARDI selama ini untuk menghadapi segala keperluan oleh industri padi. Saya berharap MARDI dapat memindahkan teknologi tersebut dengan segera kepada petani, bersama dengan agensi / jabatan lain seperti Jabatan Pertanian dan MADA dan juga kepada usahawan-usahawan.

11. Kita perlu tingkatkan pengeluaran beras negara untuk memenuhi permintaan negara. Negara juga perlu mengurangkan kos import yang pada tahun 1998 berjumlah hampir RM 1 Billion. Saya nampak kita ada tiga cara perlu dilakukan untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras iaitu dengan meningkatkan intensiti tanaman; memperbaiki pengurusan tanaman; dan mengeluarkan dan menggunakan varieti berpotensi hasil tinggi.

12. Memandangkan kawasan sawah padi di negara kita terhad dan mungkin berkurangan, menambahkan penanaman amatlah perlu melalui peningkatan intensiti tanaman. Melalui laporan penyiasat hasil pengeluaran padi didapati hanya MADA dan Projek Barat Laut Selangor yang mencapai intensiti tanaman hampir 200% yang mana mencatatkan hasil pengeluaran padi tertinggi di Malaysia. Di lain-lain kawasan Jelapang Padi intensiti tanaman masih rendah dan masih banyak kawasan yang terbiar. Ini adalah suatu pembaziran yang mengakibatkan kerugian besar bukan sahaja kepada pesawah-pesawah tetapi juga kepada negara. Tanah adalah amanah Allah kepada pemiliknya. Nabi Muhammad S.A.W. pernah bersabda yang menerangkan sesiapa yang mempunyai tanah, hendaklah ia mengusahakannya atau meminjamkan kepada saudara-saudaranya. Dengan ini saya minta semua jabatan, agensi serta petani-petani supaya menguruskan kawasan padi dengan baik dan mencari jalan untuk meningkatkan intensiti tanaman dan seterusnya meningkatkan hasil. Punca-punca masalah perlu dikenalpasti dan diatasi.

13. Sementara itu, bagi meningkatkan kawasan pengeluaran tanah terbiar, pihak swasta adalah digalakkan mengusahakan tanah tersebut. Dengan menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan yang sesuai, amalan teknologi pengeluaran yang optimum, saya percaya pihak swasta dapat membangun dan mengusahakan pengeluaran padi secara estet yang lebih berdaya maju. Beberapa contoh boleh dilihat dalam kes ini seperti oleh FELCRA di Seberang Perak dan syarikat lain di Rompin, Pahang. Projek seumpama ini juga diperhatikan lebih berdaya maju seperti projek-projek mini estet Jabatan Pertanian.

14. Peningkatan hasil padi juga boleh direalisasikan melalui penggunaan varieti. Dengan menggunakan varieti-varieti baru yang berupaya memberi hasil tinggi dan disertai dengan amalan pengurusan yang optimum, ia boleh meningkatkan pengeluaran padi kita dengan mudah.

15. MARDI seharusnya mengeluarkan lebih banyak baka padi yang baru, berhasil tinggi dan berkualiti tinggi dan yang penting sekali, menyediakan benih bersama-sama Jabatan Pertanian dan juga pihak swasta secukupnya untuk membolehkan hasrat kerajaan meningkatkan keluaran padi berjaya. MARDI pula perlu menggunakan segala kaedah-kaedah terancang seperti bioteknologi untuk memecahkan benteng ketinggian hasil sekarang supaya baka padi baru mampu memberikan hasil jauh melebihi 10 tan sehektar setanding dengan negara-negara pengeluar beras yang maju. Saya yakin MARDI sebagai sebuah agensi R&D yang berwibawa dapat menghasilkan berbagai bidang teknologi yang diperlukan bagi mencapai sasaran tersebut. Ini terbukti di tahun-tahun yang lepas mereka telah memenangi beberapa anugerah seperti anugerah Perdana Menteri peringkat negara dan anugerah Asia Terbaik Di Peringkat Asia dan awal tahun 2000 ianya dapat pengiktirafan ISO 9001.

16. Varieti baru padi yang akan dilancarkan hari ini adalah satu varieti padi ciptaan MARDI yang berpotensi tinggi. Varieti MR 219 ini telah melalui pelbagai peringkat ujian dan hingga kita ia jelas menunjukkan keupayaan peningkatan hasil berbanding

dengan varieti MR 84 iaitu varieti utama padi ketika ini yang digunakan lebih 80% di kawasan padi di Malaysia. Pada keseluruhannya varieti MR 219 berupaya memberi hasil 10- 15.0% lebih tinggi daripada varieti MR 84. Varieti MR 219 disyorkan kerana prestasi hasil yang baik dan yang lebih penting lagi ialah untuk menjadi pemampuan kepada varieti MR 84 yang mula menunjukkan penurunan hasil dan ketahanan daripada perosak dan penyakit. Varieti MR 84 sekarang ini telah menunjukkan rentan kepada penyakit hawar bakteria, hawar seludang dan perosak bena perang. Dengan memperkenalkan varieti MR 219 ini, masalah kerosakan tanaman Insya-Allah akan dapat diatasi. Ia juga adalah sebagai satu lagi varieti pilihan diberi kepada petani dalam meningkatkan hasil tanaman mereka. varieti MR 219 juga mempunyai kualiti nasi yang lembut dan menunjukkan kesesuaian di banyak kawasan untuk ditanam.

17. Akhir sekali saya ucapkan tahniah kepada MARDI dalam usaha membangunkan industri padi negara. dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya mengisytiharkan padi baru varieti MARDI MR 219.